



17 JUL, 2023

2.5 juta batang rokok seludup dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Penyeludup guna laluan
laut, tinggalkan lori
di tepi jalan

Oleh **ASWANY OMAR**
KOTA BHARU

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan mematahkan cubaan menyeludup rokok melalui pantai selepas merampas 2.5 juta batang rokok.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan dilakukan kira-kira jam 1 pagi pada 11 Julai lalu di Jalan Kuala Kemasin, Bachok.

Beliau memberitahu, pasukan serbuan mendapati lori ditinggalkan di tepi jalan berkenaan dan keseluruhan rokok yang dirampas itu bernilai RM208,000 dengan anggaran cukai sebanyak RM1.7 juta.

“Modus operandi yang digunakan penyeludup ialah melalui laluan laut dan berhenti di pesisir pantai sebelum rokok dimuatkan ke dalam lori.

“Kita percaya lori muatan lima tan itu akan bergerak untuk pasaran tempatan

termasuk pelanggan di Selangor dan Kuala Lumpur,” katanya dalam sidang akhbar di sini pada Ahad.

Tambah beliau, pihaknya masih menegesan pemilik barang berkenaan dan siasatan diteruskan di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Jelas beliau, jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih daripada 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Orang ramai juga boleh menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam **1-800-88-8855** atau pejabat kastam terdekat.



Wan Jamal (kiri) menunjukkan sebahagian kotak mengandungi rokok seludup yang dirampas di Jalan Kuala Kemasin, Bachok, Kelantan pada 11 Julai lalu.



17 JUL, 2023

2.5 juta batang rokok seludup dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Penyeludup guna laluan laut, tinggalkan lori di tepi jalan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kelantan mematahkan cubaan menyeludup rokok melalui pantai selepas merampas 2.5 juta batang rokok.Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, serbuan dilakukan kira-kira jam 1 pagi pada 11 Julai lalu di Jalan Kuala Kemasin, Bachok.Beliau memberitahu, pasukan serbuan mendapati lori ditinggalkan di tepi jalan berkenaan dan keseluruhan rokok yang dirampas itu bernilai RM208,000 dengan anggaran cukai sebanyak RM1.7 juta.